

CENDEKIAWAN

Kawal selia sendiri era media baharu



Oleh DR. SYED AGIL ALSAGOFF



SETIAP pengguna perlu mempunyai keupayaan mengawal selia kandungan maklumat yang diperoleh daripada internet bagi mengelak penyebaran berita bersifat jelek. - Gambar hiasan

DUNIA hari ini menyaksikan bahawa kandungan maklumat telah menguasai pemikiran dan perbuatan kita.

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa teknologi maklumat berjaya merubah pemikiran masyarakat dengan menampilkan pelbagai isu serta penerokaan ilmu baharu dari semasa ke semasa.

Rangkaian maklumat ini sebenarnya hasil 'penjajahan minda' yang terbesar dalam kalangan pengguna siber dan masyarakat dunia.

Ia berpunca daripada agenda negara-negara Barat yang berniat untuk memperluaskan pemikiran budaya yang mencerpai pengertian kebebasan manusia berkomunikasi antara satu sama lain.

Namun, dalam kerancakan menikmati teknologi pantas dan canggih itu, pengguna dunia siber sering terlupa bahawa mereka terjebak dalam lambakan kandungan maklumat siber yang boleh memberi implikasi positif atau sebaliknya kepada mereka.

Sumbangan positif boleh dilihat dari segi percambahan idea-idea baharu, rangkaian ilmu pengetahuan yang bernilai infiniti atau tidak berpenghujung serta membina hubungan komunikasi yang mantap tanpa sempadan.

Sebaliknya, lambakan kandungan maklumat ini akan mengundang pelbagai masalah psikologi, emosi dan gangguan kepada prinsip kehidupan seperti ketagihan internet, kemurungan individu, keclaruan identiti akibat tidak dapat membezakan antara kehidupan realiti dan penyamaran dunia virtual serta jenayah siber.

Dalam hal ini, kita terpaksa menghadapi pelbagai implikasi negatif yang 'menyerang' rentak pemikiran masyarakat apabila kebanyakan daripada mereka mudah terpedaya dengan anasir-anasir jenayah yang berpunca daripada penyalahgunaan kandungan siber.

Banyak negara maju pada masa kini sedang mengkaji mekanisme untuk mengawal pengaruh negatif kandungan maklumat siber yang mendatangkan kerosakan di negara-negara mereka.

Selain daripada penguatkuasaan

regulasi dan peraturan, mereka mencuba pendekatan yang berbeza iaitu memberi pendidikan kesedaran kepada masyarakat untuk menapis kandungan maklumat tersebut berpandukan kepada kematangan serta rasional fikiran masyarakat.

Dengan kaedah sedemikian, masyarakat menjadi ejen penting dalam menentukan tapisan penerimaan lambakan maklumat yang diperoleh pada setiap masa.

Dalam konteks Malaysia, sejak internet bertapak pada akhir tahun 1996, pelbagai cabaran dihadapi oleh kerajaan dan pengguna teknologi, sekali gus mengundang penggubalan undang-undang siber pada tahun 1998.

Salah satu akta yang menjadi teras kepada undang-undang siber itu ialah Akta Komunikasi dan Multimedia (Akta 588).

Akta ini menunjukkan sikap proaktif kerajaan untuk menghadapi gelombang teknologi maklumat yang pantas dan berupaya memberi ancaman kepada dunia kehidupan masyarakat Malaysia sekiranya tidak dibendung.

Sikap optimistik kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) rentetan daripada fenomena ini membuka satu ruang baharu kepada masyarakat pengguna media baharu untuk menikmati teknologi canggih itu dengan berhemah.

Sejak Malaysia memperkenalkan satu mekanisme amalan penapisan maklumat media yang dipanggil Pengawalseliaan Kendiri (*Self-regulation*), pengguna media diberi pendidikan yang merangsang sikap berhemah bagi mengawal impak kandungan media.

Mekanisme ini telah diamalkan oleh beberapa negara maju untuk mendidik masyarakat mereka menapis kandungan-kandungan media yang jelik atau memberi ancaman keganasan kepada negara serta penduduk di negara tersebut.

Kaedah sama yang dilaksanakan di negara ini ialah dengan menggunakan garis panduan Kod Kandungan Media yang diperkenalkan oleh Forum Kandungan dan Multimedia Malaysia (CMCF), satu badan di bawah SKMM.

Secara rujukannya, kita boleh mengakses Kod Kandungan tersebut di www.cmcf.my.

Panduan

Kod Kandungan ini bertujuan untuk menjadi panduan kepada pihak media dan pengguna menerbitkan kandungan media yang bersesuaian dengan estetika budaya serta peradaban masyarakat majmuk.

Ia menjadi penanda aras kepada sistem kawalan yang membolehkan pemain industri media menghasilkan kandungan media tempatan yang bermutu tinggi, sesuai untuk tontonan pengguna serta mencerminkan kemurnian identiti nasional.

Seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia ada menjelaskan kategori dan klasifikasi kandungan jelik iaitu kandungan yang mengandungi unsur perkhidmatan aplikasi, boleh memberikan kandungan yang sumbang, lucah, palsu, mengancam atau dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut mahupun mengganggu mana-mana orang.

Pelanggaran di bawah seksyen itu akan menyebabkan mereka didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit

atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun.

Sebagai anggota masyarakat yang prihatin, kita harus mempunyai daya keprihatinan untuk menilai sama ada kandungan tersebut sesuai atau tidak.

Sekiranya ia bersifat jelik dan tidak sesuai, maka kita boleh membuat aduan kepada pihak berkuasa iaitu SKMM atau CMCF untuk membolehkan pihak berkuasa ini menyiasat serta mengambil tindakan dan menghukum media yang bertanggungjawab menyiarkan maklumat tersebut.

Dengan cara itu, kita dapat menyaring maklumat mengikut acuan persepsi dan budaya masyarakat kita, sekali gus memelihara kemurnian peranan media.

Justeru, menjadi suatu tanggungjawab penting bagi setiap anggota masyarakat untuk memastikan bahawa kita harus prihatin dengan apa juga bentuk kandungan media serta kandungan maklumat yang dihidangkan.

Tanpa menyelidik dan memantau, kandungan itu boleh mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat. Pihak media atau penyedia maklumat dalam media siber akan sewenang-wenangnya menggunakan pengaruh mereka untuk mengeksploitasi maklumat-maklumat tersebut demi kepentingan mereka.

Pendidikan dan kesedaran menangani penyelewengan serta eksploitasi maklumat ini haruslah dikembangkan ke semua pihak sejak di bangku persekolahan lagi.

Generasi muda seharusnya dibimbing untuk mempraktikkan sifat keprihatinan mereka memilih bahan bacaan atau bahan media yang bersifat positif, memberi faedah dan mengekalkan unsur moral yang baik.

Kematangan memilih bahan-bahan media seperti ini seharusnya dikongsikan bersama ahli keluarga dan golongan pendidik di sekolah mahupun di institusi pendidikan tinggi.

Dengan cara ini, kita boleh menyaksikan kelestarian pemurnian kandungan media maklumat yang boleh memimpin generasi akan datang mempertahankan prinsip kehidupan yang mereka nikmati pada hari ini.

● DR. SYED AGIL ALSAGOFF IALAH PENYARAH KANAN, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA